

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL**  
**FATTAH ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**  
**PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE**  
**(ACO)**

**MERANGKAP NAIB PRESIDEN  
INTERNATIONAL COOPERATIVE  
ALLIANCE ASIA AND PACIFIC (ICA-  
AP)**

**MALAM APRESIASI RAKAN  
Korporat 2023 DAN SAMBUTAN**

# **ULANG TAHUN KE-10 MYANGKASA AMANAH BERHAD (MAAB)**

**02 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)  
THE ROYALE CHULAN, KUALA  
LUMPUR**

---

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]**

# **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih di atas kesudian

datuk-datuk, datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan kerana meluangkan masa untuk hadir ke Malam Apresiasi Rakan Korporat 2023 dan Sambutan Ulang Tahun ke-10 MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB).

2. ANGKASA selaku penaung

sepenuhnya MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB), juga mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja MAAB yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, YBhg. Datuk Mohamad Ali Bin Hassan, Pengarah Urusan MAAB, Saudara Mohamad

Darulnizam Darus serta Ketua Pegawai Perniagaan MAAB, Tn. Hj. Mohd Zulkifli Bin Ismail atas usaha bagi menjayakan majlis menghargai Rakan-Rakan Korporat MAAB dan sempena sambutan sedekad penubuhan MAAB yang mana terlihat sangat gah di mata

saya pada malam ini. Alhamdulillah & Tahniah sekali lagi kepada semua.

3. Bagi menambah lagi keistimewaan majlis pada malam ini, suka saya sampaikan serangkap pantun untuk menjadi halwa telinga semua

tetamu yang hadir pada hari ini :

**Dari ANGKASA turun ke bumi,  
Sampai bumi singgah ke MAAB,  
Bagai emas disinari mentari,  
Itulah ibarat sedekad MAAB.**

4. Untuk makluman semua tetamu yang turut hadir pada malam ini, suka saya kongsikan dengan semua, tarikh **22 JANUARI** yang lalu genaplah **10 tahun** MAAB ditubuhkan yang mana MAAB telah

memulakan operasinya semenjak pada tahun 2014 lagi.

5. Saya selaku Pengerusi Lembaga Pengarah MAAB yang pertama, telah menyaksikan segala pahit getir dan jatuh bangun bagaimana MAAB bermula dengan hanya tidak

sampai 100 kes jualan wasiat pada tahun pertama penubuhan, tetapi setakat pada hari ini, dengan rasa bangga dan syukur, ingin saya umumkan di sini bahawa jualan produk utama MAAB ini telah pun mencapai 386,854 kes wasiat dengan anggaran jumlah harta

pewasiat adalah sebanyak RM193.4 billion yang perlu diurus pusakanya oleh MAAB sekiranya berlaku kematian kelak.

## **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya**

## **Hormati Sekalian**

6. Saya juga amat bersyukur sepanjang 10 tahun penubuhan MAAB, pencapaian MAAB sama ada dari segi jualan dan pendaftaran Rakan Korporat sama ada daripada Bank, Syarikat dan Rakan Niaga Koperasi semakin

meningkat dengan cemerlang dari tahun ke tahun sehingga ke saat ini. MAAB telah bekerjasama dengan 9 nama besar bank di Malaysia termasuklah Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Coopbank Pertama, AGRObank, Bank Islam, Bank MBSB, Bank Arrajhi,

Bank Affin serta Bank Muamalat. Tahniah saya ucapkan kepada MAAB kerana berjaya mendapatkan kepercayaan bank-bank tersebut yang mana saya difahamkan adalah penyumbang utama bagi keuntungan MAAB.

7. Selain itu, MAAB juga telah berjaya berkolaborasi dengan lebih 80 koperasi dan 66 syarikat yang turut menjadi wakil dan ejen jualan MAAB. Bagi saya, tanpa Rakan-Rakan Niaga ini, MAAB tidak akan berjaya seperti sekarang. Saya juga berharap bagi memastikan lagi

kelestarian perniagaan MAAB untuk tahun ini dan mendatang, lebih banyak agensi, syarikat atau institusi yang akan berkolaborasi dengan MAAB seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Non-Profit Organisation (NGO), agensi-agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat

swasta untuk sama-sama berganding bahu menguar-uarkan pentingnya kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan perancangan harta pusaka melalui pelbagai instrumen yang ada di MAAB seperti MyWasiat, MyHibah, MyAmanah dan MyPusaka.

8. Sempena ulangtahun ke-10 ini juga, saya difahamkan MAAB melancarkan 3 produk baharu seperti yang telah disebut oleh Datuk Mohamad Ali sebentar hadi menjadikan jumlah produk dan perkhidmatan MAAB pada tahun ini

sebanyak 10 produk juga bertepatan dengan jumlah tahun penubuhan.

9. Sempena ulang tahun ke 10 ini juga, saya amat berharap agar MAAB akan mengorak langkah lebih jauh dengan menerokai

peluang pasaran ke peringkat luar negara terutamanya di peringkat Asia. MAAB boleh mengambil peluang ini kerana saya selaku Naib Presiden *International Cooperative Alliance Asia And Pacific (ICA-AP)* mempunyai hubungan baik bagi mewujudkan

rangkaian kerjasama strategik di peringkat negara-negara luar ini bagi produk-produk yang baru terutama produk MyAmanah iaitu dengan mengadakan Tabung Amanah bagi keperluan koperasi-koperasi di luar atau di dalam Malaysia.

10. Malah ia boleh diperluas ke mana-mana entiti atau badan Kerajaan di luar negara atau khususnya Asia yang berminat membuat pelaburan di Malaysia melalui MyAngkasa Amanah Berhad. Saya melihat peluang ini

adalah satu peluang keemasan yang perlu direbut dan sebagai sumber pendapatan utama yang baharu kepada MAAB di samping mengekalkan kelestarian perniagaan perancangan dan pentadbiran harta pusaka yang sedia ada.

11. Seiring dengan penjenamaan baharu bagi semua produk MAAB pada tahun ini juga, saya yakin MAAB akan terus kekal malar dan segar dalam persada perancangan dan pentadbiran harta pusaka di

Malaysia bersama pemain-pemain industri yang lain dalam satu bentuk persaingan yang sihat dengan satu tujuan dan matlamat yang sama.

12. Akhir kata, saya mendoakan agar MAAB terus maju ke hadapan untuk tahun ini dan mendatang seperti

yang telah dirancang dalam pelan strategik ANGKASA dan MAAB sendiri baru-baru ini dengan sokongan semua warga kerja MAAB sendiri dan juga sokongan dari ANGKASA sebagai penaung.

13.Dengan lafaz suci

Bismillahirohmaanirrohim, saya  
merasmikan **Malam Apresiasi Rakan  
Korporat 2023 dan Sambutan Ulang  
Tahun ke-10 MyAngkasa Amanah  
Berhad (MAAB).**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.